

**Kasikornbank Tawar Pengurus Aset Dalam Talian Yang Pertama Seumpamanya Di Thailand  
Bernama  
6 Mac, 2014**

BANGKOK, 6 Mac (Bernama) -- Kasikornbank menetapkan sasaran untuk mendaftarkan sekurang-kurangnya 100,000 pengguna K-Expert MyPort, pengurus aset dalam talian inovatif yang membantu dalam pengumpulan maklumat mengenai portfolio aset pelanggan dengan institusi kewangan pada satu platform, tahun ini.

Perkhidmatan pertama seumpamanya di Thailand yang dilancarkan baru-baru ini itu menyediakan kemudahan dalam menyasarkan rancangan kewangan dan simpanan dengan sistem pemantauan yang membolehkan pencapaian matlamat yang lebih cepat.

Naib Presiden Kanan Kasikornbank Thawee Teerasoontornwong berkata pihak bank telah menjalankan kaji selidik ke atas 120,000 pelanggan yang menggunakan khidmat nasihat K-Expert sepanjang tahun dan mendapati kebanyakan mereka memiliki pelbagai jenis aset dan menggunakan perkhidmatan kewangan di beberapa institusi kewangan.

Oleh itu, pelanggan biasanya mendapati sukar untuk mendapatkan maklumat tentang semua aset mereka secara kolektif, dan ini menjadikan mereka tidak dapat menghayati gambaran penuh keseluruhan aset mereka, katanya.

Sekali gus ramai yang gagal melaksanakan perancangan kewangan jangka panjang, katanya.

Kasikornbank menjangkakan K-Expert MyPort dapat memperkukuhkan kepimpinannya dalam industri perbankan digital.

Perkhidmatan baharu ini boleh mengumpulkan maklumat portfolio lengkap aset pelanggan daripada perkhidmatan K-Cyber bank dan institusi kewangan yang lain ke dalam satu skrin, katanya.

Butir-butir ini termasuk deposit, dana bersama, saham, emas dan pegangan tanah, manakala dana bersama dan saham boleh dinilai pada kadar pasaran semasa secara automatik, katanya.

Katanya menerusi perkhidmatan itu, pelanggan akan dapat memantau semua gabungan aset mereka dari segi nilai dan jenis, semuanya di satu lokasi pengurusan aset yang mudah, membolehkan pemahaman aset menjadi satu tugas yang mudah.

Katanya tambahan kepada produk baharu ini ialah alat pemantauan dan sasaran penjimatan, manakala pelanggan boleh bertanya tentang hal-hal kewangan melalui e-mel dari pasukan K-Expert.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019889>